

# COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)

Guaifenesin (100mg/5ml)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Coliden Cough Mixture (Adult's).
2. Bagaimana Coliden Cough Mixture (Adult's) berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Coliden Cough Mixture (Adult's).
4. Cara menggunakan Coliden Cough Mixture (Adult's).
5. Semasa menggunakan Coliden Cough Mixture (Adult's).
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Coliden Cough Mixture (Adult's).
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## APAKAH KEGUNAAN COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)

Coliden Cough Mixture (Adult's) merupakan ubat untuk melegakan batuk, memecahkan kahak dan melegakan kesesakan, menghilangkan sakit tekak.

## BAGAIMANA COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S) BERFUNGSI

Guaifenesin merupakan ekspektoran yang berfungsi untuk mengurangkan kelikatan kahak.

## SEBELUM MENGGUNAKAN COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi pada komponen dalam Coliden Cough Mixture (Adult's).
- Jika ia tidak dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Coliden Cough Mixture (Adult's) anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.

- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).
- Jika anda menghidapi ulser gastrik.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## CARA MENGGUNAKAN COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan secara oral sahaja.

Dewasa: 10ml.

Kanak-kanak: 10-12 tahun: 5ml.

Ulang sukatan setiap 6 jam. Pengambilan tidak boleh melebihi 60ml setiap hari.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Coliden Cough Mixture (Adult's).

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan

hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## SEMASA MENGGUNAKAN COLIDEN COUGH MXTURE (ADULTS)

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Coliden Cough Mixture (Adult's).
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Coliden Cough Mixture (Adult's) dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan secara kronik.

## KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Coliden Cough Mixture (Adult's) boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Kadangkala radang usus boleh berlaku.
- Mengantuk.

# **COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)**

*Guaifenesin (100mg/5ml)*

*Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)*

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

## **CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN COLIDEN COUGH MIXTURE (ADULT'S)**

### Penyimpanan

Jauhkan Coliden Cough Mixture (Adult's) dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup dan lindungi dari cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Coliden Cough Mixture (Adult's) yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **MAKLUMAT LANJUT**

### Rupa dan warna produk

Coliden Cough Mixture (Adult's) adalah cecair jernih berwarna coklat tua dengan perisa pudina.

### Bahan-bahan kandungan

#### *Bahan Aktif:*

Guaifenesin

#### *Bahan Tidak Aktif:*

*Purified Water, Citric Acid, Liquid Mormel, Menthol, Ammonium Chloride, Propylene Glycol, Saccharin Sodium, Peppermint Oil, Refined Sugar, Carboxymethylcellulose, Sorbitol, Methylparaben and Xanthan Gum.*

### Nombor MAL

MAL19911439X

## **PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **TARIKH KEMASKINI RiMUP**

03/12/2014

## **NOMBOR SIRI**

BPFK(R4/1)141114/00056